

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pencapaian akademik merupakan elemen yang penting dan amat dititikberatkan oleh ibu bapa dan masyarakat dalam konteks kehidupan hari ini yang berorientasikan pendidikan. Sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia juga telah memperlihatkan bahawa nilai dan kepentingan pendidikan semakin bertambah kerana dipengaruhi oleh perubahan dalam kehidupan ekonomi manusia. Setiap ibu bapa mengimpikan kejayaan anak-anak dalam pelajaran. Walau bagaimanapun kejayaan dan kegagalan pelajar di dalam pelajaran bukanlah bergantung semata-mata kepada faktor pengajaran di dalam bilik darjah sahaja tetapi ia berkaitan juga dengan proses pembelajaran pelajar itu sendiri. Antaranya ialah faktor persekitaran rumah tangga yang melibatkan taraf status sosioekonomi keluarga, saiz atau besarnya keluarga, jenis rumah yang didiami, kemudahan dan keselesaan rumah. Selain itu terdapat juga faktor lain yang membantu meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar misalnya sikap, dorongan dan aspirasi ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, jangkauan guru dan persekitaran sekolah yang kondusif.

Faktor persekitaran rumah tangga dan penglibatan ibu bapa serta hubungannya dengan pencapaian akademik merupakan faktor yang sering dikaji oleh ahli sosiologi, antaranya Douglas (1964) yang mendapati faktor kemudahan fizikal yang baik di rumah boleh membantu meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah. Douglas yang membuat kajian ke atas anak-anak di Middlesbrough yang

mempunyai kedudukan status sosioekonomi (SSE) yang rendah dan keadaan rumah yang tidak memuaskan mendapati faktor ini mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar ini di sekolah. Kajian Bloom (1986) juga mendapati bahawa kedudukan SSE keluarga mempengaruhi pencapaian anak-anak. Menurutnya anak-anak yang datang dari SSE yang tinggi berpeluang mendapat kemudahan pendidikan yang sempurna berbanding anak-anak yang datang dari SSE yang rendah. Ibu bapa mereka juga mempunyai aspirasi yang tinggi terhadap masa depan anak-anak. Kajian Verna dan Campbell (2000) terhadap pencapaian pelajar Asian Amerika juga mendapati bahawa ibu bapa yang mempunyai SSE yang tinggi dapat menyediakan kemudahan pembelajaran yang sempurna di rumah dan mereka mampu menghantar anak-anak ke kelas tuisyen atau menggaji tutor untuk anak-anak mereka. Mereka juga lebih bersikap membantu dan memberi perhatian terhadap pelajaran anak-anak.

Walau bagaimanapun pencapaian anak-anak juga boleh ditingkatkan jika mereka diberikan motivasi, semangat dan dorongan. Peranan dan tanggungjawab ini adalah di tangan ibu bapa. Menurut Steinberg (1996) Ibu bapa yang menunjukkan sikap positif dan mengambil berat boleh meningkatkan prestasi anak-anak. Dalam kajiannya ke atas 20,000 orang sampel, beliau mendapati pencapaian pelajar di sekolah banyak dipengaruhi oleh peranan ibu bapa seperti membantu memeriksa kerja rumah serta memberi semangat dan kata-kata nasihat. Kajian Muller & Kerbow (1993) juga mendapati penglibatan ibu bapa lebih berpengaruh berbanding SSE.

Kajian Bradley, Caldwell dan Rock (1988) , Marjoribanks (1987) , West (1987), dan Kurdek (1996) juga telah menunjukkan faktor penglibatan ibu bapa dalam menyediakan persekitaran yang kondusif, dan interaksi secara langsung antara ibu bapa dengan anak-anak boleh membantu bukan sahaja perkembangan kognitif malah juga menggalakkan perkembangan afektif anak-anak.

Dalam konteks kajian di Malaysia terdapat beberapa kajian tentang pencapaian akademik telah dijalankan antaranya kajian Keciciran (1973) yang bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor berlakunya keciciran yang tinggi di sekolah-sekolah rendah dan menengah terutama di kawasan luar bandar , kajian T.Marimuthu (1975) mengenai pencapaian pelajar Tamil di Semenanjung Malaysia , Ishak Haron (1977) , Taha (1977), Sharma (1977) , Gan (1980), Ng (1969), Aziz (1990) , Bibi Jan (1992) dan Yap (2000). Kajian-kajian ini mendapati persekitaran rumah tangga dan penglibatan ibu bapa memberi pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian akademik anak-anak.

Kajian ini pula akan memberi fokus kepada faktor persekitaran rumah tangga dan corak asuhan ibu bapa yang dianggap menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di Bentong.

1.2 Penyataan Masalah

Masalah persekitaran rumah tangga dan corak asuhan ibu bapa merupakan antara faktor yang mempengaruhi proses sosialisasi seseorang kanak-kanak. Ia juga mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik seseorang kanak-kanak apabila ia memasuki alam persekolahan. Selaras dengan masyarakat yang berorientasikan pencapaian, pendidikan di Malaysia memberi ruang persaingan dan kesamaan peluang untuk pelajar mendapatkan pendidikan. Untuk menghasilkan pelajar yang berjaya dan cemerlang, kerjasama daripada ibu bapa amatlah penting. Menurut Hoover-Demsey & Sandler (1997), kesedaran ibu bapa tentang peranan pendidikan akan meninggalkan pengaruh positif ke atas pencapaian anak. Proses sosialisasi dan kesedaran terhadap kepentingan pendidikan bermula di rumah seperti kenyataan D.F.Swift, *'the child will learn some patterns of behaviour, perceptions of reality and habits of thinking which are features of the wider social environment and some of which are special to his family.'* (Morrish, 1978 : 170)

Justeru, untuk mendapat pencapaian yang tinggi bagi seseorang pelajar adalah sangat diharapkan oleh pelbagai pihak seperti ibu bapa. Ibu bapa dan keluarga dilihat sebagai faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian seseorang kanak-kanak. Kajian terdahulu seperti kajian Baker dan Stevenson (1986) mendapati ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi boleh membantu meningkatkan motivasi dan keinginan anak-anak mereka untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Ia juga disokong oleh kemampuan ibu bapa untuk menyediakan keperluan dan kemudahan fizikal yang baik dan sempurna di rumah. Temu bual mereka dengan 41 orang ibu pelajar gred lapan

mendapati bahawa ibu yang mempunyai taraf pendidikan sekurang-kurangnya lepasan kolej lebih berpengetahuan tentang pelajaran anak-anak. Mereka juga boleh membimbing anak-anak dari segi akademik dengan lebih berkesan .

Douglas (1964) dalam kajiannya juga mendapati persekitaran rumah seperti saiz dan bilangan bilik, kemudahan material di rumah dan penambahan saiz keluarga mempunyai kaitan dengan pencapaian pelajar. Menurutnya lagi, penambahan saiz keluarga dan kesesakan di rumah boleh mengakibatkan penurunan dari segi pencapaian. Fenomena ini lebih ketara di kalangan keluarga kelas pekerja apabila dibandingkan dengan keluarga kelas pertengahan.

Kajian yang dijalankan di Malaysia pula seperti Kajian Keciciran 1973 menunjukkan prestasi kanak-kanak dari luar bandar dan kawasan miskin di bandar seperti setingan adalah rendah berbanding kanak-kanak dari kawasan bandar. Keadaan ini disebabkan kekurangan kemudahan fizikal di rumah dan persekitaran tempat tinggal mereka yang tidak merangsang kepada pendidikan. Faktor status sosioekonomi keluarga juga adalah faktor yang menyebabkan ibu bapa mereka tidak dapat menyediakan kemudahan dan material di rumah kerana kebanyakan datang dari kelas pekerja yang berpendapatan rendah. Menurut Sharifah Alawiyah (1985) murid-murid daripada kelas sosial rendah memasuki bangku sekolah dengan membawa bersama berbagai-bagai kepincangan yang berpunca daripada keadaan keluarga mereka seperti kemahiran kognitif yang terhad, kekurangan motivasi , perkembangan ego yang rendah dan tingkah laku sosial yang negatif di sekolah.

Sementara itu, Atan Long (1979) mendapati bahawa ibu bapa di luar bandar pula kurang mengambil berat tentang pendidikan anak-anak. Terdapat juga yang tidak menyedari tentang kepentingan pendidikan untuk masa depan anak-anak mereka. Ibu bapa ini terdiri daripada kumpulan SSE yang rendah dan mereka mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang rendah.

Persekitaran rumah dan keluarga juga melibatkan corak asuhan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Menurut Sarjit (1989) kefahaman dan galakan ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan semenjak kanak-kanak lagi boleh membantu anak-anak mereka memperolehi pencapaian yang tinggi apabila mereka memasuki persekolahan. Mengikut Laosa (1983), terdapat perbezaan sosialisasi yang dialami oleh kanak-kanak dari kelas sosial pertengahan dengan kanak-kanak kelas sosial pekerja. Perbezaan ini adalah dari segi pengetahuan dan kefahaman, kognitif, kemahiran bertutur, nilai, dan sikap. Kajian ini menyimpulkan bahawa kanak-kanak dari kelas sosial pertengahan berkemungkinan mempunyai lebih pengetahuan berbanding kanak-kanak dari kelas sosial pekerja. Ini adalah kerana pendedahan dan galakan yang telah diberi oleh ibu bapa mereka semenjak awal lagi.

Kajian Kurdek dan Sinclair (1988) terhadap 219 orang pelajar gred lapan yang berasal dari kelas pertengahan telah menunjukkan pencapaian yang tinggi di sekolah dan kurang mempunyai masalah tingkahlaku berbanding pelajar dari kelas pekerja yang mempunyai masalah dalam hubungan ibu bapa mereka.

Kajian Hussein (1979) telah mengenal pasti empat faktor dalam persekitaran rumah tangga yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar iaitu perhatian

ibu bapa, kawalan ibu bapa, kehendak dan jangkaan ibu bapa terhadap anak mereka. Faktor ibu bapa ini didapati memberi kesan yang penting ke atas pencapaian pelajar bagi setiap kumpulan etnik (Melayu, Cina, dan India) .

Kajian Yap (2000) mendapati hubungan yang positif antara penglibatan ibu bapa dengan pelajaran anak-anak. Dalam kajiannya kumpulan pelajar yang tinggi pencapaian akademiknya mempunyai ibu bapa yang lebih melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak berbanding pelajar yang rendah pencapaiannya.

Kurdek & Sinclair (1988) juga bersetuju bahawa ibu bapa yang menekankan kepada kejayaan dan menggalakkan perkembangan intelek boleh membantu meningkatkan prestasi anak mereka. Ibu bapa ini juga berminat melibatkan diri dalam pelajaran anak dan akan berusaha menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif di rumah.

Berdasarkan kajian-kajian di atas, persekitaran rumah dan keluarga mempunyai pengaruh yang kuat ke atas tindak balas kanak-kanak terhadap persekolahan mereka. Ia juga merupakan faktor yang perlu dikaji bagi membantu meningkatkan lagi prestasi anak-anak.

Justeru, kajian ini akan melihat keadaan persekitaran rumah tangga yang bagaimana, dan apakah corak asuhan ibu bapa yang boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam konteks pelajar di sebuah sekolah menengah di daerah Bentong . Kajian ini juga ingin melihat sama ada faktor ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik mereka.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan di antara persekitaran rumah dan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar di sebuah sekolah menengah di daerah Bentong. Aspek yang dikaji ialah hubungan di antara pencapaian pelajar dengan persekitaran rumah yang meliputi kawasan tempat tinggal, jenis rumah kediaman, dan kemudahan fizikal rumah, status sosioekonomi keluarga, tahap pendidikan ibu bapa, dan corak asuhan ibu bapa. Kajian ini juga akan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar yang mendapat pencapaian tinggi dan membuat perbandingan dengan pelajar yang mendapat pencapaian yang rendah.

1.4 Soalan Kajian

1. Adakah terdapat perkaitan di antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar?
2. Adakah terdapat perkaitan di antara tahap pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar?
3. Adakah terdapat perkaitan di antara kawasan tempat tinggal dengan pencapaian akademik pelajar?
4. Adakah terdapat perkaitan di antara kemudahan fizikal di rumah dengan pencapaian akademik pelajar?
5. Adakah terdapat perkaitan di antara cara asuhan dan sikap ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh memberikan satu fenomena tentang kepentingan persekitaran rumah tangga dan peranan ibu bapa dalam memberikan dorongan serta motivasi kepada anak-anak untuk mencapai kejayaan dalam akademik mereka. Kajian tentang pencapaian akademik dan perkaitannya dengan persekitaran rumahtangga dan keluarga, telah dijalankan oleh banyak pihak tetapi lebih menumpukan kepada pencapaian pelajar Melayu dan Tamil antaranya kajian Taha Abdul Kadir (1977) tentang pengaruh sosial dan ekonomi terhadap pencapaian pelajar Melayu di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Kajian ini mendapati hubungan yang relatif di antara pencapaian akademik dengan persekitaran rumah. Kajian Bibi Jan (1992) juga menggunakan pelajar Melayu di Singapura sebagai sampel untuk mengkaji hubungan antara persekitaran rumahtangga dan pengaruh rakan sebaya dengan pencapaian akademik mereka. Kajian T. Marimuthu (1975) pula menggunakan pelajar Tamil di Semenanjung Malaysia untuk mengkaji pengaruh persekitaran rumah tangga dan pencapaian akademik. Kajian Aziz (1990) juga memfokuskan kepada pencapaian akademik pelajar Melayu. Kajian ini pula menggunakan sampel yang terdiri dari pelbagai kaum dan jantina dan tidak akan menumpukan kepada satu kaum sahaja.

Kajian ini diharap dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan seperti sekolah, Jabatan pendidikan, dan Kementerian Pendidikan serta ibu bapa dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar di sekolah.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini ditumpukan kepada perhubungan di antara persekitaran rumah tangga dan keluarga iaitu melibatkan aspek SSE ibu bapa, kemudahan fizikal di rumah, kawasan kediaman dan corak asuhan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini akan dibataskan kepada pelajar tingkatan empat yang telah menduduki dan mendapat keputusan peperiksaan PMR pada tahun 2002 di sebuah sekolah menengah di Bentong.

1.7 Definisi Operasi

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini antaranya ialah:

1.7.1 Pencapaian akademik

Dalam konteks kajian ini pencapaian akademik pelajar diukur berdasarkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2002.

1.7.2 Ibu bapa / penjaga

Ibu bapa dalam kajian ini dimaksudkan kepada ibu dan bapa yang sah.

Penjaga pula dimaksudkan kepada pengganti kepada ibu bapa jika pelajar tidak tinggal dengan ibu bapa. Ia boleh jadi abang, kakak, datuk, nenek, atau saudara-mara

1.7.3 Pelajar

Pelajar merujuk kepada pelajar-pelajar tingkatan 4 yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik.

1.7.4 Sekolah

Sekolah yang dipilih untuk kajian ini ialah sebuah sekolah menengah di daerah Bentong iaitu Sekolah Menengah Seri Delima (bukan nama sebenar)

1.7.5 Persekitaran rumah tangga

Persekitaran rumah tangga adalah aspek yang berkaitan dengan hal ehwal tempat tinggal pelajar dan ibu bapa, jenis rumah yang didiami, kawasan rumah, kemudahan asas, taraf sosial dan ekonomi keluarga, saiz keluarga, ramai orang yang bekerja di rumah, dan kemampuan memberikan kemudahan pendidikan kepada anak-anak.

1.7.6 Taraf Status sosioekonomi (SSE)

Status sosioekonomi adalah dimaksudkan kepada kadar pendapatan ketua keluarga dan tanggungannya serta kemampuan keluarga itu untuk menyara hidup ahli-ahli keluarga dan menyediakan kemudahan fizikal di rumah. Kategori SSE diukur berdasarkan pekerjaan dan tahap pendapatan ibu bapa. Kedudukan SSE dalam kajian ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Kelas I (kumpulan profesional, pengurusan dan eksekutif), Kelas II (kumpulan teknikal, pengkeranian, jualan) dan Kelas III (kumpulan pekerja mahir, separuh mahir dan tidak mahir) (Ishak Haron, 1977).